noor izwan architect
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4
Metro Town, Jalan Lintas
88300 Kota Kinabalu, Sabah
T: 088 366 720 . F: 088 366 501
E: noorizwanarchitect@gmail.com

MINIT MESYUARAT

Tarikh	6 November 2020 (Jumaat)
Masa	10.00 pagi
Tempat	Dalam Talian (Aplikasi Skype)

Cadangan Pembinaan Projek Balai Bomba Dan Penyelamat Beaufort, Sabah.

MESYUARAT TEKNIKAL NO.9

Kehadiran:

Bil	Nama	Disiplin	No. Telefon
(A)	**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** (Wilayah 6)		
		KPKTW6	
(B)	**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Beaufort**		
		JBPM	
		JBPM	
(C)	**Noor Izwan Architect** (Perunding Arkitek)		
1	Ar. Noor Izwan Rahim	NIA	012 - 321 8905
2	En. Syahril Mohd Ariffin	NIA (IOW)	011 - 2764 0850
(D)	**Aktif FA Konsult Sdn Bhd** (Perunding Sivil Dan Struktur)		
3	En. Terrance Tang	AFK	016 - 996 1090
4	En. Oh Kok Thu	AFK (ARE)	012 - 866 3113
(E)	**Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd** (Perunding Mekanikal Dan Elektrikal)		
5	Ir. Sherman Bin Daim	JPI	019 - 860 2398
6	En. Abdul Aziz Bin Limat	JPI (IOW)	016 - 826 9409
(F)	**PQS Setia Konsult** (Perunding Ukur Bahan)		
7	En. Sharman Bin Sharif	PQS	010 - 951 3639
(G)	**REMT Utama Sdn Bhd** (Kontraktor Utama)		
8	En. Shir Zaman Bin Fazul Rahman	REMT	017 - 863 6668
9	Pn. Sulastri Binti Pongot	REMT	016 - 835 3423
10	En. Ronny Bin Lesa	REMT	011 - 3646 7021
11	En. Ahmad Khairy Bin Mohd Yasin	REMT (SSS)	013 - 8182879

<table>
<tr><th>No.</th><th>Perkara</th><th>Tindakan</th><th>Tarikh</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td colspan="3">Ucapan Aluan</td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi diatas kehadiran semua wakil dari setiap pihak.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>1.2</td><td>Minit Mesyuarat Teknikal Perunding No. 8 bertarikh 15 Oktober 2020 disahkan tanpa sebarang pindaan.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td colspan="3">Keperluan Kontrak dan Laporan Kemajuan Kerja</td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>Berdasarkan kontrak, berikut adalah maklumat berkaitan projek:

<table><tr><td>Harga Kontrak</td><td>RM6,305,978.26</td></tr><tr><td>Tempoh Kontrak</td><td>18 Bulan (546 Hari)</td></tr><tr><td>Tarikh Mula Kerja</td><td>18 November 2019</td></tr><tr><td>Tarikh Siap Asal</td><td>10 Mei 2021</td></tr><tr><td>EOT No.1</td><td>114 Hari (660 Hari)</td></tr><tr><td>Tarikh Siap Baharu</td><td>1 September 2021</td></tr></table>
EOT No. 1 telah mendapat kelulusan secara automatik (tanpa permohonan) disebabkan PKP pandemik covid-19.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.2</td><td>Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan No.9 (2 November 2020), secara ringkasnya pihak Kontraktor memaklumkan bahawa kemajuan kerja keseluruhan adalah seperti berikut:

<table><tr><td colspan="4">Kemajuan Fizikal</td></tr><tr><td>Jadual Unjuran Kerja (%)</td><td>Unjuran Sebenar (%)</td><td>Kemajuan Kerja (%)</td><td>Kemajuan Kerja (Hari)</td></tr><tr><td>48.00</td><td>45.00</td><td>-3.00</td><td>-20</td></tr></table>*Peratusan kemajuan ini berdasarkan EOT 1

REMT memaklumkan kerja-kerja yang sedang dilaksanakan adalah:

i) Kerja-kerja pembinaan Ground Beam (Blok Utama). Formwork telah siap sepenuhnya dan concreting akan dijalankan segera.

REMT memaklumkan kelewatan kerja Prefabricated Vertical Drain (PVD) dan kerja piling telah menyumbang kepada kelewatan peratusan kerja fizikal di Tapak selain daripada faktor cuaca.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
</table>

نور ازوان اركيتيك

<table>
<tr><td>2.3</td><td>AFK melaporkan lukisan susunatur kedudukan piling (entrance culvert) yang terlibat untuk pembinaan 3 akses telah dimajukan kepada semua pihak.

REMT akan membuat penandaan di Tapak sebelum gambar dikemukakan kepada MDB untuk permohonan kelulusan trafik bagi penggunaan sebahagian ruang di jalan utama.</td><td>REMT</td><td>25/08/2020</td></tr>
<tr><td>2.4</td><td>NIA memaklumkan bahawa kerja pembinaan Rumah Sampah perlu dihentikan seketika sehingga kelulusan diperolehi daripada pihak USB berhubung perubahan ketinggian yang dikemukakan NIA pada 19 Oktober 2020.

Perubahan melibatkan pengurangan ketinggian bangunan dan Roller Shutter.</td><td>NIA</td><td></td></tr>
<tr><td>2.5</td><td>En Khairi (SSS) memaklumkan surat peringatan berhubung pematuhan SOP telah dikeluarkan kepada pekerja di Tapak. Ujian swap telah dilakukan bagi pekerja asing dan keadaan kesihatan di Tapak adalah terkawal.

NIA menegaskan pematuhan SOP di Tapak mesti dititikberatkan terutama kepada 16 orang pekerja yang tinggal di Tapak bagi memastikan tiada risiko covid-19 kepada penduduk Kuarters.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.6</td><td>PQS membangkitkan isu ketiadaan Pagar Keselamatan dikawasan turfing (landscape) bersebelahan Blok Utama.

NIA bersetuju bahawa pemasangan Pagar Keselamatan dibuat apabila tiba masa untuk perlaksanaan kerja turfing. Ini bagi memberi kemudahan ruang akses kepada penghuni Kuarters seperti dimaklumkan REMT.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>3.0</td><td colspan="3">Arkitektural</td></tr>
<tr><td>3.1</td><td>NIA memaklumkan sehingga kini bahan yang belum mendapat kelulusan USB adalah:

<table>
<tr><th>Skop Kerja</th><th>Jenis Bahan</th></tr>
<tr><td>Door</td><td>Roller Shutter</td></tr>
<tr><td rowspan="3">Window</td><td>Tinted Glass</td></tr>
<tr><td>Clear Glass</td></tr>
<tr><td>Alumn. Powder Coated Frame</td></tr>
</table>

REMT diminta untuk mengemukakan sample bahan bagi tinted glass window seperti diminta oleh USB.</td><td>REMT
USB</td><td>14/09/2020</td></tr>
</table>

3.2	NIA memaklumkan bahawa perubahan rekabentuk yang telah diluluskan USB KPKT dan perlu tindakan lanjut adalah melibatkan: i) Akses baharu ke Kuarters sediada. - Semakan kos sedang dibuat PQS berdasarkan Pelan Tapak baharu yang ditambahbaik daripada Pelan *Survey*. ii) Perubahan perincian *Compartment.* - NIA telah kemukakan Lukisan Perubahan Rekabentuk *Compartment* pada 16 Oktober untuk cadangan kos oleh REMT. iii) Parkir Berbumbung (5 kepada 6 parkir). - Lulus tanpa penambahan kos. AFK perlu kemuka justikasi sebagai sokongan perubahan struktur.	AFK PQS REMT	03/12/2019
3.3	NIA melaporkan pihak UPP KPKT telah mengemukakan rayuan lanjut pengecualian Arkitek Lanskap pada 28 September 2020 kepada Majlis Daerah Beaufort dan belum diputuskan.	UPP MDB	06/07/2020
3.4	NIA melaporkan kelulusan bagi 8 cadangan penambahbaikan rekabentuk telah diterima daripada JBPM. USB akan membuat semakan lanjut berhubung perubahan kos terlibat dan akan mengeluarkan surat rasmi berhubung perkara ini. Senarai penambahbaikan dan lukisan berkaitan akan dimajukan sebaik surat daripada USB diterima.	NIA USB JBPM	10/08/2020
3.5	NIA memaklumkan pindaan Lukisan Pembinaan melibatkan semua perubahan dan penambahbaikan rekabentuk akan disiapkan dan dikemukakan kepada semua.	NIA	10/08/2020
3.6	PQS melaporkan sedang membuat semakan kos yang terlibat bagi jarak panjang 3 akses di Tapak berhubung perubahan Pelan Tapak yang diperbetulkan berdasarkan Pelan Survey.	PQS	14/09/2020
3.7	Untuk semakan kos bagi pindaan rekabentuk Tandas (*squatting* kepada *sitting WC*), NIA telah kemukakan lukisan pindaan pada pagi ini kepada semua pihak. AFK perlu kemuka lukisan perincian kepada PQS. JPI perlu buat semakan jika terdapat kos terlibat.	AFK JPI PQS	15/10/2020
3.8	NIA telah membuat semakan berhubung kedudukan A/C *Outdoor Unit* berdasarkan Pelan M&E untuk mengelak sebarang isu berbangkit.	Makluman	

3.9	NIA akan menyediakan lukisan *Built-in Furniture* untuk semakan susunatur suis dan *power point* oleh JPI. USB akan menyerahkan lukisan *Built-in Furniture* projek terdahulu sebagai rujukan.	NIA	15/10/2020
4.0	**Sivil Dan Struktur**		
4.1	AFK memaklumkan berhubung status kelulusan Pelan Kejuruteraan yang dikemukakan kepada PBT seperti berikut: <u>MSMA</u> Telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Beaufort (MDB) pada 29 Nov 2019. - Ulasan berkaitan *leveling* daripada JPS, JPS Beaufort akan berbincang bersama JPS HQ berdasarkan info daripada AFK. - Ulasan berkaitan *drainage*, AFK telah kemuka surat permohonan kepada Mahkamah Beaufort pada 30 September 2020 berhubung kebenaran kedudukan *final water discharge outlet.* Surat kebenaran perlu dikemukakan kepada MSMA. <u>ESCP</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Terdapat ulasan daripada JPS, AFK perlu kemukakan Pelan Lokaliti terkini JPBW dan Jabatan Tanah & Ukur dalam bulan ini. <u>Sistem Retikulasi</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Belum terima sebarang ulasan daripada JANS. <u>Jalanraya</u> Akan dikemukakan kepada JKR Beaufort pada pertengahan September 2020, menunggu KPKT untuk tandatangan Pelan. <u>Pembentungan</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - AFK telah kemuka semula Pelan pada 14 September 2020 kepada JKR Beaufort dan telahpun diluluskan pada 17 September 2020.	AFK	03/12/2019
4.2	Anggaran kos 1 Lampu Jalan yang diserah oleh REMT pada 5 Oktober 2020 telah disemak oleh JPI dan akan diserahkan kepada PQS selepas mesyuarat.	JPI	06/07/2020
4.3	AFK melaporkan telah mengemukakan pindaan Lukisan Struktur kepada UKAS sebelum ini dan terdapat maklumbalas daripada UKAS untuk penambahbaikan. AFK telah mengemukakan semula kepada UKAS dan masih menunggu kelulusan.	AFK	10/08/2020

4.4	AFK mengesahkan kerja *stump* di Blok Utama telah diperbetulkan oleh REMT dan NCR akan ditutup.	Makluman	25/08/2020
4.5	REMT memaklumkan Lukisan *As-Built* bagi kerja *piling* di Menara Latihan akan dibuat sebaik tambahan 2 *piling point* diselesaikan. AFK telah menyiapkan lukisan perincian dan majukan kepada REMT untuk tindakan.	REMT	15/10/2020
4.6	AFK memaklumkan baki *as-built* yang akan disiapkan oleh REMT hanya untuk selepas penyiapan projek. *As-built* yang lain telah diterima.	Makluman	25/08/2020
4.7	AFK melaporkan telah majukan pindaan Pelan Kejuruteraan berdasarkan Pelan *Survey* yang diterima melalui emel kepada semua pihak.	Makluman	
4.8	AFK perlu email semula lukisan perincian untuk *entrance culvert* dan *piling point* kepada REMT.	AFK	
5.0	**Mekanikal Dan Elektrikal**		
5.1	REMT memaklumkan sedang menyediakan *shop drawings* dan akan mengemukakan semua cadangan bahan M&E untuk ulasan JPI dan kelulusan Unit M&E (KPKT). Senarai kelulusan bahan perlu disertakan.	REMT	03/12/2019
5.2	JPI mengesahkan telah menerima salinan profil syarikat daripada REMT bagi kerja M&E dan telahpun diluluskan oleh Unit Mekanikal KPKT.	Makluman	03/03/2020
5.3	JPI memaklumkan telah mengemukakan semula lukisan rekabentuk pencawang pada 20 Oktober 2020 kepada pihak SESB Beaufort dan hanya menunggu maklum balas bertulis daripada SESB.	JPI	03/12/2019
5.4	JPI memaklumkan bahawa justifikasi perubahan lokasi dan saiz SESB akan diserahkan kepada PQS setelah pengesahan muktamad diperolehi daripada SESB.	JPI	03/03/2020
5.5	JPI memaklumkan akan membuat semakan berhubung *contribution cost* untuk permohonan bekalan elektrik (PD9 *Form*) yang dikemukakan pada 14 November 2019.	JPI	03/12/2019
5.6	REMT akan mengemukakan senarai perincian Sistem AV kepada JPI pada 9 November 2020.	REMT	03/03/2020

5.7	JPI memaklumkan SESB HQ yang sepatutnya hadir ke Tapak pada 19 Oktober 2020 (bagi menentukan penambahan ketinggian tiang serta kabel elektrik di tiga akses tapak) ditunda ke tarikh yang akan dimaklumkan kemudian disebabkan PKPB. REMT juga perlu berbincang bersama pihak SESB berhubung kedudukan kabel elektrik di bahagian *decorative fencing* yang akan mengganggu kerja *piling*.	JPI REMT	06/07/2020
5.8	JPI mengesahkan telah menerima cadangan bahan bagi *underground piping* daripada REMT untuk pada 5 November 2020 dan akan membuat penilaian.	JPI	15/10/2020
5.9	AFK mengesahkan perlu ada *ramp* di SESB yang akan dibina dan lukisan perincian akan dibuat untuk semakan kos oleh PQS dan tindakan lanjut JPI.	AFK	
6.0	**Ukur Bahan**		
6.1	Berhubung isu V.O Akses baharu, JPI memaklumkan kos dan lokasi bagi 1 tiang lampu dan pemindahan *cable* telah disemak dan akan diserahkan kepada PQS selepas mesyuarat. AFK telah kemuka lukisan terkini Pelan Tapak yang menunjukkan parkir kereta dan kos sedang dalam semakan PQS.	PQS	10/08/2020
6.2	AFK melaporkan telah mengemukakan surat pengesahan Lukisan Kontrak kepada Unit Ukur Bahan.	Makluman	06/07/2020
6.3	Berhubung perubahan rekabentuk struktur di Blok Utama, Menara Latihan, Rumah Pam & Parkir Berbumbung, kiraan tambahan kos telah selesai disemak dan PQS akan kemuka permohonan kepada KPKT selepas tempoh PKPB berakhir.	PQS	15/10/2020
6.4	Perunding perlu mengemukakan kepada KPKT permohonan perubahan kerja melibatkan perubahan lokasi dan saiz pencawang SESB sebaik surat pengesahan daripada SESB Beaufort diterima.	Perunding	06/07/2020
6.5	PQS mengesahkan bahawa *progress claim* dibenarkan untuk diperakui dan dikemukakan secara digital oleh Perunding sepanjang tempoh PKPB. Dokumen yang telah diperakui perlu dikemukakan secara hardcopy kepada W6.	Makluman	

7.0	**Hal-hal Lain**		
7.1	REMT akan mengemukakan Pelan *Survey* yang disahkan dan ditandatangan oleh *Surveyor* sebagai rekod setiap Perunding.	REMT	15/10/2020
7.2	NIA meminta REMT untuk mengkaji dan menetapkan lokasi paling sesuai untuk pemindahan Pili Bomba sediada berdasarkan dua cadangan JBPM.	REMT	
7.3	Bagi isu perubahan spesifikasi dan *warranty* untuk *Roller Shutter* yang dibangkitkan oleh REMT, NIA memaklumkan sebarang perubahan kos akan diputuskan oleh pihak JBPM dan KPKT.	Makluman	
8.0	**Penutup**		
8.1	Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.00 tengahari dan Mesyuarat Teknikal No. 10 akan dimaklumkan kemudian.	Makluman	

Disediakan oleh:
noor izwan **architect**

Ar. NOOR IZWAN RAHIM
Principal
6 November 2020